

04/05/2002

Pas yakin tumpaskan BN: Nasharuddin

ALOR STAR, Jumaat - Pemimpin Pas menolak saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Pas melupakan hasrat membentuk kerajaan, sebaliknya parti itu yakin menewaskan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, berkata Pas yang sudah berjuang selama 51 tahun komited meneruskan perjuangan menegakkan Islam sebagai 'Addin' di negara ini dan tidak pernah berputus asa untuk mencapai kejayaan.

Keyakinan itu berdasarkan peningkatan sokongan rakyat, khususnya Melayu, pada pilihan raya umum 1999 apabila Pas memperoleh 27 kerusi Parlimen.

"Pas sudah berjuang selama 51 tahun. Kami tidak pernah berputus asa. Graf sokongan rakyat kepada kami makin meningkat.

"Hak untuk memilih kerajaan terletak pada tangan rakyat. Pas menghormati demokrasi di negara ini. Kami bersedia untuk membentuk kerajaan," katanya ketika dihubungi di Kota Bharu hari ini.

Bagaimanapun, beliau mendakwa demokrasi tidak dipraktikkan sepenuhnya BN apabila kerajaan menyekat ceramah Pas, selain tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin menaikkan deposit terhadap calon dan mengenakan cagaran poster.

"Sistem demokrasi sekarang dibolot sedikit demi sedikit oleh Umno dan BN, seolah-olah tidak menggalakkan pertandingan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr Mahathir ketika berucap pada persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, semalam.

Perdana Menteri berkata, Pas boleh melupakan hasrat menerajui kerajaan kerana rakyat kini sedar perjuangan parti itu tidak mencerminkan ciri-ciri Islam sejati.

Dr Mahathir juga berkata, masyarakat sedar Pas hanya mahu memecahbelahkan orang Islam demi kepentingan politik mereka.

(END)